




MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;
MEMELIHARA HUBUNGAN
BAIK DALAM KELUARGA
MALAYSIA



ISLAMIC SAVOUR OBEIDENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor



"ZAKAT ITU URUSAN PEMERINTAH". 1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kehadiran Allah SWT dengan melaksanakan perintah Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya ketakwaan adalah sebaik-baik bekalan yang akan dibawa ke akhirat nanti.</p>	5
<p>Marilah kita hayati khutbah pada kali ini yang bertajuk "MEMELIHARA HUBUNGAN BAIK DALAM KELUARGA MALAYSIA".</p> <p>Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,</p>	6



Islam menggalakkan umatnya supaya memelihara hubungan kekeluargaan dan bantu-membantu antara satu dengan yang lain. Ini merupakan konsep kehidupan yang perlu dilaksanakan oleh seluruh masyarakat Islam.	7
Allah SWT berfirman dalam surah al-Maidah ayat 2: وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ	8
<i>"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar (perintah-Nya)."</i>	9
Islam amat mengambil berat sillaturahim dalam pembentuk keluarga yang bahagia dan sejahtera. Adalah menjadi tanggungjawab bersama setiap ahli keluarga untuk membina dan membentuk keluarga yang bahagia dan sejahtera dengan menyuruh dan sentiasa menjaga hubungan baik sesama ahli keluarga. Hadirin yang berbahagia,	10



Setiap ahli keluarga perlu membentuk keharmonian dan kemuafakatan. Pepatah Melayu ada menyebut “bagai aur dengan tebing” yang kerap digunakan untuk menggambarkan hubungan persaudaraan yang erat dan akrab. Meskipun demikian, dilihat pada akhir zaman ini, nilai kasih sayang sesama ahli keluarga dan adik-beradik semakin pudar dan suram apabila faktor materialisme mendominasi.

11

Hadis daripada Jubair bin Mut'im Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَاطِعٌ

12

“Tidak masuk syurga orang yang memutuskan silaturahim (hubungan kekeluargaan.)”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Apakah nasib generasi akan datang? Mungkinkah akan berlaku suatu masa nanti sifat menyantuni dan menyayangi ahli keluarga dan adik-beradik semata-mata kerana harta sahaja? Sedangkan harta adalah perhiasan dunia yang sementara tetapi menyantuni ahli keluarga dan kaum kerabat adalah amalan yang baik dan perlu dikekalkan.

13



Firman Allah SWT dalam surah al-Kahfi ayat 46:

أَلْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَالْبَاقِيَاتُ الصَّالِحَاتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا

14

"Harta dan anak-anak adalah perhiasan kehidupan dunia, tetapi amalan yang baik kekal lagi salih adalah lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu serta lebih baik untuk menjadi harapan."

15

Adapun mengeratkan silaturahmi ini merujuk kepada perihal berbuat baik kepada sesama manusia, bertolong-tolongan, bersikap lemah lembut, nasihat menasihati dan menjaga perasaan. Janganlah disebabkan masalah remeh, pertalian saudara menjadi retak, bermasam muka, saling membenci yang akhirnya memusnahkan hubungan silaturahmi dalam keluarga.

16

Muslimin yang berbahagia,

Terdapat banyak keistimewaan menjaga silaturahmi. Contohnya, kita sentiasa akan mendapat pemerhatian, pengawasan, pemeliharaan dan ganjaran dari Allah SWT.

17

Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 1:

وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

18



<p>“...dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut nama-Nya serta peliharalah hubungan (silaturahmi) kaum kerabat, kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.”</p>	19
<p>Inilah masa yang tepat untuk memperhalusi perihal adab dan silaturahmi dalam diri kita. Pada masa pandemik ini, tingkatkanlah kewaspadaan kita tatkala bercuti pulang ke kampung halaman atau berjumpa ahli keluarga. Sentiasa berpesan-pesan dan memberi peringatan kepada ahli keluarga agar sama-sama mengambil iktibar dan pengajaran dari apa yang telah berlaku.</p>	20
<p>Allah SWT berfirman dalam surah al-Syu'ara ayat 214:</p> <p style="text-align: center;">وَأَنْذِرْ عَشِيرَتَكَ الْأَقْرَبِينَ</p> <p>“Dan berilah peringatan kepada kerabat-kerabatmu yang terdekat.”</p>	21
<p>Menjaga silaturahmi adalah perihal yang sangat dituntut dalam Islam untuk mendapat rahmat Allah SWT serta menyuburkan hubungan sesama manusia.</p> <p>Nabi Muhammad SAW pula mempersaudarakan kaum Muhajirin dan Ansar ketika hijrah baginda untuk mengukuhkan persaudaraan dan hubungan silaturahmi sesama umat Islam. Peristiwa ini menjadi tanda kebenaran bahawa Islam meletakkan persaudaraan sebagai keutamaan dan tuntutan besar.</p>	22
<p>Pelbagai cara boleh dilakukan untuk mengeratkan ukhuwah adik beradik. Antaranya dengan solat berjemaah, selepas solat Jemaah kita bersalaman dan berdoa bersama-sama. Dengan ini, hubungan kekeluargaan akan diberkati dan dilindungi oleh Allah SWT.</p>	23



Allah menjanjikan ganjaran besar untuk orang yang sentiasa menjaga hubungan silaturahim. Menyantuni dan menjaganya akan dipanjangkan umur dan beroleh keberkatan rezeki.

Anas bin Malik RA Radiallahu’anhu berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sesiapa yang ingin rezekinya dimudahkan dan umurnya dipanjangkan, maka hendaklah dia menghubungkan silaturahim.”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT sekalian,

24

Pembentukan Keluarga Malaysia adalah selaras dengan keluarga bahagia dan sejahtera sebagaimana kehendak ajaran Islam. Keluarga Malaysia adalah memberi fokus kepada pengukuhan lima (5) nilai teras keluarga bahagia berkonsepkan KASIH iaitu Kasih Sayang, Berakhlak, Sihat, Selamat, Berilmu dan Harmoni. Keluarga Malaysia adalah menterjemahkan semangat menyatukan semua warganegaranya untuk bersama-sama mensejahterakan keluarga dan negara di sebalik kepelbagaian cabaran yang ada. Semangat kekeluargaan mengikat kebersamaan semua pihak dengan didikan nilai keluarga seperti hormat menghormati, berkasih sayang, prihatin, bertoleransi dan mengecapu kehidupan yang harmoni.

25



Bagi membentuk sebuah keluarga bahagia, setiap anggota keluarga hendaklah mengetahui peranan masing-masing untuk memastikan keluarganya bahagia dan sejahtera di samping menjaga kesihatan dan keselamatan daripada perkara yang mendatangkan kemudharatan. Semoga setiap ahli masyarakat dapat menjaga kesejahteraan keluarga ketika negara masih dalam ancaman COVID-19. Marilah kita bersama-sama menjaga keluarga kita dari ancaman wabak ini serta berdoa agar Allah SWT menyelamatkan keluarga dan negara kita dari musibah ini.

26

Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,

Mengakhiri khutbah ini, marilah kita menghayati pengajarannya sebagaimana berikut:

1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa menjaga hubungan baik dalam keluarga adalah perintah Allah dan mendapat pelbagai kebaikan serta ganjaran pahala yang besar di sisi Allah SWT.
2. Umat Islam hendaklah menyayangi, menghormati, menghargai, menyantuni dan membantu sesama ahli keluarga.
3. Umat Islam hendaklah menginsafi bahawa kejayaan Keluarga Malaysia adalah bergantung kepada kesatuan dan kekuatan ahli keluarga sendiri.

27

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
فَهَلْ عَسَيْتُمْ إِنْ تَوَلَّيْتُمْ أَنْ تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ وَتُقَطِّعُوا أَرْحَامَكُمْ
أُولَئِكَ الَّذِينَ لَعَنَهُمُ اللَّهُ فَأَصَمَّهُمْ وَأَعَمَّى أَبْصَرَهُمْ

28



"(Kalau kamu tidak mematuhi perintah) maka tidakkah kamu harus dibimbang dan dikhuatirkan - jika kamu dapat memegang kuasa - kamu akan melakukan kerosakan di muka bumi, dan memutuskan hubungan silaturrahim dengan kaum kerabat? (Orang-orang yang melakukan perkara yang tersebut) merekalah yang dilaknat oleh Allah serta ditulikan pendengaran mereka, dan dibutakan penglihatannya."

29

(Surah Muhammad : 22-23).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،</p>	1
<p>وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19.</p>	5
<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin dengan sentiasa mematuhi SOP dan ambillah pengajaran atas apa yang berlaku, berhati-hati dan beringatlah selalu walau kita diberi kebebasan untuk bergerak. Ini kerana Negara masih memerangi wabak Covid-19 ini demi keselamatan diri kita serta masyarakat keseluruhannya.</p>	6
<p>Bagi yang terkesan dengan wabak ini, janganlah mengambil jalan mudah dengan memudarat dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berasaskan keimanan yang mantap.</p>	7



Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :	8
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾	9
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَن أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.	10
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُّجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	11
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.	12
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَتَحْفَظَ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،	13
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطِينِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	14



<p>اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونََ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِي عَهْدِ سِلاَعُور، تَغْكُو أَمِير شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الحاج،</p>	15
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	16
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	17
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu</p>	18
<p>Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.</p>	19
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	20



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	21
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.	22
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩١﴾	23
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	24